



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

MALAYSIA DAN MALDIVES MEMPERKASA HUBUNGAN DUA HALA MENERUSI KERJASAMA STRATEGIK PELANCONGAN

PUTRAJAYA, 28 APRIL 2025 – Kerajaan Malaysia, melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Kerajaan Republik Maldives bagi memperkukuh hubungan dua hala dan memperluas kerjasama strategik dalam sektor pelancongan. MoU ini ditandatangani sempena Lawatan Rasmi Presiden Republik Maldives ke Malaysia.

Majlis pertukaran MoU telah diadakan di Perdana Putra, disaksikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, dan TYT Dr Mohamed Muizzu, Presiden Republik Maldives. YB Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, telah mewakili YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya dalam majlis tersebut.

MoU ini menggariskan rangka kerja komprehensif bagi kerjasama dalam beberapa bidang utama yang menjadi kepentingan bersama, antaranya:

- promosi dan pemasaran destinasi pelancongan secara bersama,
- pertukaran kepakaran dan program latihan peningkatan kapasiti,
- pembangunan pelancongan mesra Muslim,
- mengiatkan pelancongan acara perniagaan (MICE),
- promosi ekopelancongan, dan
- sokongan kepada inisiatif pelancongan berasaskan komuniti.

Pemeteraian MoU ini merupakan satu pencapaian penting dalam hubungan Malaysia–Maldives dan menzahirkan komitmen bersama kedua-dua negara untuk memajukan pembangunan pelancongan mampan. Ia juga membuka ruang yang lebih luas untuk penglibatan lebih aktif antara pihak kerajaan dan swasta, sekali gus merangsang peluang ekonomi dan pertukaran budaya.

Malaysia berharap dapat bekerjasama rapat dengan Maldives bagi merealisasikan aspirasi ini kepada hasil yang nyata dan memberi manfaat kepada industri pelancongan kedua-dua negara.

Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)
Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-8891 7181
Website: www.motac.gov.my Email: group.ukk@motac.gov.my
Facebook, Instagram, X & TikTok: @mymotac

